

41 sekolah di Pahang belum boleh dibuka

RoselanAb Malekl
am@hmetro.com.my



SYED Ibrahim (berbaju putih) ketika melawat Sekolah Kebangsaan Taram. FOTO Roselan Ab Malek

Temerloh: Sesi persekolahan di 41 sekolah di negeri ini ditunda ke tarikh yang belum ditetapkan berikutan ia masih terjejas akibat banjir, termasuk satu sekolah di bawah Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama Islam dan Pendidikan Pahang Datuk Seri Syed Ibrahim Syed Ahmad berkata, bagi memastikan pembelajaran murid dan pelajar di sekolah terbabit tidak ketinggalan, Jabatan Pendidikan Negeri Pahang (JPNP) melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR).

"Ketika ini lebih 90 peratus sekolah di Pahang sudah dibuka. Di Pahang ada 198 sekolah menengah dan 470 sekolah rendah.

"Cuma 41 sekolah terpaksa ditangguh pembukaan bagi sesi persekolahan membabitkan 33 sekolah rendah dan lapan sekolah menengah, ia termasuk satu sekolah di bawah PKPD baru-baru ini," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas lawatan ke Sekolah Kebangsaan Paya Taram di sini, hari ini, bagi meninjau kerja penyediaan peralatan sekolah selepas dilanda banjir bulan lalu.

Syed Ibrahim berkata, ketika ini 13 sekolah masih digenangi air membabitkan 10 sekolah rendah dan tiga sekolah menengah.

Beliau berkata, 21 sekolah pula dijadikan pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu 18 daripadanya sekolah rendah dan tiga sekolah menengah.

Katanya, tujuh sekolah lagi sudah pulih daripada banjir tapi belum dapat beroperasi kerana kerja pembersihan dan penyediaan peralatan masih berjalan.

"Satu lagi sekolah iaitu Sekolah Kebangsaan (SK) Felda Jengka 25, juga terpaksa ditunda pembukaannya kerana pelaksanaan PKPD di kawasan itu," katanya.

Disiarkan pada: Januari 12, 2022 @ 12:31pm
